



## **Anwar diberi sambutan rasmi di Doha**

**LAWATAN** sulung Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Qatar diberikan sambutan rasmi di Amiri Diwan, Doha semalam.

Amiri Diwan adalah dewan pemerintahan Qatar dan badan berdaulat yang turut menempatkan pejabat pentadbiran Emir Qatar.

Ketibaan Anwar ke Amiri Diwan disambut Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani. Selesai upacara sambutan rasmi di Amiri Diwan, Perdana Menteri mengadakan pertemuan bersama Emir Qatar.

Anwar kemudian mengadakan pertemuan bersama rakan sejawatnya,

Sheikh Mohammed bin Abdulrahman Jassim Al Thani merangkap Menteri Luar Negeri Qatar.

Pertemuan antara Anwar dan Sheikh Mohammed signifikan dalam konteks berkaitan konflik Palestin-Israel setelah Malaysia dan Qatar kerana masing-masing

memainkan peranan penting dalam isu tersebut.

■ **ANWAR** Ibrahim bertemu dengan Sheikh Mohammed bin Abdulrahman Jassim Al Thani di Amiri Diwan Doha, Qatar pada 13 Mei 2024. - **PEJABAT PERDANA MENTERI/AFIQ HAMBALI**